



## KENYATAAN MEDIA HARI KE-21

### SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENGERUSI SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

---

#### 1. KESESAKAN DI CAWANGAN-CAWANGAN BANK

- (i) Adalah diperhatikan bahawa berlaku kesesakan di bandar-bandar/Pekan di serata negeri pada 06 April 2020, terutama di cawangan-cawangan bank.
- (ii) **Pelanggan Bank** hendaklah sentiasa mengamalkan jarak sosial (social distancing) ketika berurusan di bank, sama ada ketika berbaris sebelum memasuki bank atau ketika berada di dalam bank.
- (iii) **Orang ramai** adalah dinasihatkan untuk tidak berpusu-pusu datang ke cawangan bank.
- (iv) **Pihak Bank** disarankan untuk menghadkan bilangan pelanggan berurusan pada satu-satu masa. Di samping itu, pihak Bank hendaklah melaksanakan tatacara yang tertib dan teratur.
- (v) **Pihak Berkuatkuasa Tempatan, Polis Diraja Malaysia dan Agensi-Agensi yang diberikuasa** adalah diarah untuk memantau dan menguatkuasakan jarak sosial ketika pelanggan berbaris di luar premis bank.
- (vi) Pelanggan dan Pekerja Bank adalah diwajibkan untuk memakai *face mask* dan menggunakan *hand sanitizer*.

## 2. KOMPLEKS PERIKANAN SAFMA, KOTA KINABAALU

Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai kesesakan yang berlaku di Kompleks Perikanan SAFMA Kota Kinabalu setiap hari. Oleh itu, Kerajaan Negeri memutuskan bahawa Kompleks Perikanan ini hanya digunakan untuk tujuan pemunggahan ikan dan jualan borong sahaja. Semua aktiviti menjaja ikan dan hasil perikanan lain di kawasan kompleks **tidak dibenarkan** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Keputusan ini dikuatkuasakan **SERTA MERTA**.

**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH**  
**07 April 2020 | 11.00 pagi**